



# CUKAI TAKSIRAN

Majlis Daerah Hulu Selangor

Jan - Feb 2019

## Kempen Cukai Taksiran Am 2019

Majlis Daerah Hulu Selangor mengadakan kempen bayaran Cukai Taksiran Am bagi tahun 2019 dengan menyediakan beberapa cenderahati dan rebat istimewa bagi yang menjelaskan Cukai Taksiran mereka.

### Dapatkan Payung Eksklusif atau Non Woven Bag

Dapatkan hadiah percuma dengan menjelaskan cukai taksiran am anda:

**Bayaran Secara Tanpa Tunai Setahun** (minimum RM 150)

Payung Eksklusif (TERHAD)

**Bayaran Cukai Taksiran Am**

Non Woven Bag

\*Tertakluk kepada tema dan syarat\*


### Memperkasakan Transaksi Tanpa Tunai

Dalam menjayakan aspirasi Kerajaan Negeri Selangor bagi menjadikan Selangor sebuah **Smart State** pada tahun 2050, MDHS terus memperkasakan Transaksi Tanpa Tunai bertujuan mendidik masyarakat untuk menggunakan cara pembayaran yang tidak melibatkan wang tunai

*“Di Malaysia, jumlah urusaniaga bukan tunai yang direkodkan pada 2016 adalah sebanyak 383.8 juta bagi kad kredit; 4.1 juta bagi kad caj dan 107.5 juta bagi kad debit. Jumlah itu merangkumi nilai urusaniaga sebanyak RM150 bilion.*

*Utusan Melayu*

*(22/02/2018)*



### Hadiah Percuma

- Payung Eksklusif
- Non- Woven Bag
- Rebate RM 3
- Rebate Rm 6

Photo Caption



#mdhsgocashless

## TERMA DAN SYARAT KEMPEN

### TEMPOH KEMPEN

1. Kempen bermula pada 01 Januari 2019 hingga 28 Februari 2019, termasuk kedua-dua tarikh, melainkan dimaklumkan selainnya.

### KELAYAKAN

1. Terbuka kepada semua pelanggan Majlis Daerah Hulu Selangor yang melunaskan cukai taksiran sepenuhnya secara tanpa tunai.
2. Pelanggan yang menerima pengecualian cukai taksiran daripada Kerajaan Negeri Selangor bagi tahun 2019 dibenarkan menyertai kempen ini bagi pembayaran tunggakan sebelum tahun 2016 sahaja.
3. Walau apa pun yang dinyatakan dalam fasal 1 dan 2 di atas, Majlis Daerah
4. Hulu Selangor berhak membatalkan kelayakan pelanggan untuk menyertai, atau terus menyertai, kempen tanpa sebarang kewajipan untuk memberi sebarang sebab.

### SYARAT-SYARAT KEMPEN

Untuk menyertai kempen, pelanggan hendaklah membuat bayaran cukai taksiran secara tanpa tunai menggunakan kaedah-kaedah berikut :

- a) Kad debit / Kad kredit.
- c) Perbankan internet.
- d) Kiosk tanpa tunai Majlis Daerah Hulu Selangor.
- e) Terminal bayaran mudah alih Majlis Daerah Hulu Selangor.
- f) E-Dompot BOOST.

## CARA KEMPEN DIJALANKAN

1. Cenderahati hendaklah dituntut di kaunter selepas membuat bayaran. Sementara stok masih ada.
2. Rebat akan dikreditkan ke dalam akaun harta masing-masing selepas tamat tempoh kempen, tertakluk kepada sebarang perubahan. Tertakluk kepada baki peruntukan.



Sinar Harian (24/01/18)



## CENDERAHATI YANG DITAWARKAN

PAYUNG EKSKLUSIF	NON WOVEN BAG	REBAT RM6.00	REBAT RM3.00
Bayaran cukai taksiran am setahun secara <i>tanpa tunai</i> di kaunter (Minimum RM150.00)	Bayaran cukai taksiran am yang dibuat di kaunter Majlis Daerah Hulu Selangor.	Bayaran cukai secara tanpa tunai melalui <i>transaksi atas talian</i> untuk <i>tempoh setahun</i> .	Bayaran cukai secara tanpa tunai melalui <i>transaksi atas talian</i> untuk <i>tempoh sepenggal</i> .
Tiada tunggakan.	Tiada tunggakan.	Tiada tunggakan.	Tiada tunggakan.
Untuk kediaman sahaja.	Untuk kediaman sahaja.	Terbuka pada semua	Terbuka pada semua
Sementara stok masih ada.	Sementara stok masih ada.	Tertakluk kepada baki peruntukan.	Tertakluk kepada baki peruntukan.

\*Tertakluk kepada terma dan syarat\*

### Kuala Kubu Bharu kini tanpa tunai

Kuala Kubu Bharu menjadi perintis dalam pelaksanaan transaksi pembayaran tanpa tunai di daerah Hulu Selangor melalui aplikasi e-dompet dan Boosts.

Bahagian Korporat Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS) berkata, lokasi itu adalah perintis sebelum sistem terbabit diperluaskan ke seluruh kawasan.

## UMUM

Majlis Daerah Hulu Selangor berhak, pada bila-bila masa tanpa memberi notis terlebih dahulu, untuk menambah, memansuhkan, menggantung atau mengubah terma dan syarat ini, secara keseluruhan atau sebahagian, atas budi bicara mutlak Majlis Daerah Hulu Selangor dengan memaparkan notis umum di laman sesawang rasmi Majlis Daerah Hulu Selangor di <https://www.mdhs.gov.my> atau dalam sebarang cara lain yang mungkin ditentukan oleh Majlis Daerah Hulu Selangor atas budi bicara mutlaknya. Sebarang rayuan tidak akan dilayan.